

TERMA & SYARAT AKAUN HONG LEONG PAY&SAVE (“T&S”)

T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Kad Debit, Terma dan Syarat Kad Debit **Touch'n Go (“TNG”)** Zing, Terma dan Syarat PEx Payment dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Bank Berhad (“HLB”)** dari semasa ke semasa dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu matlumat awal, serta juga undang-undang dan peraturan lain yang mengikat HLB.

Kelayakan

1. Akaun **Hong Leong Pay&Save (“Akaun”)** terbuka kepada individu termasuk warga Malaysia dan Pemastautin bukan warga Malaysia berumur **lapan belas (18)** ke atas, sama ada atas nama tunggal atau nama bersama (**“Pemegang Akaun”**).
2. Pemastautin bukan warga Malaysia tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Pertukaran **1953** dan **Notis Kawalan Pertukaran (“ECM”) yang dikeluarkan di bawahnya.**
3. Empunya Tunggal, Perkongsian, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan yang lain tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.
4. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200).**
5. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun.

Penukaran Produk kepada Akaun Hong Leong Pay&Save

6. Setiap Pemegang Akaun hanya layak mengendalikan sama ada **satu (1)** Akaun Hong Leong SmartLink atau **satu (1)** Akaun Hong Leong Pay&Save.
7. Akaun Hong Leong SmartLink akan dihentikan berkuatkuasa **11 Oktober 2012** dan tidak lagi disediakan untuk akaun baru. Pemegang Akaun Hong Leong SmartLink sedia ada akan terus menikmati keistimewaan dan manfaat produk Hong Leong Smartlink.
8. Jenis-jenis akaun yang berikut layak untuk penukaran kepada Akaun Hong Leong Pay&Save dengan syarat akaun sedia ada tidak mempunyai kemudahan overdraf:
 - 8.1 Akaun Hong Leong SmartLink
 - 8.2 Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - 8.3 Akaun Semasa Hong LeongPemegang Akaun layak mendapat Kadar Faedah Simpanan, Faedah e-Xtra, Faedah Bonus Kad Debit dan Faedah Bonus apabila menukar kepada Akaun Hong Leong Pay&Save.
9. Jenis-jenis akaun yang berikut **TIDAK** layak untuk penukaran kepada Akaun Hong Leong Pay&Save:
 - 9.1 Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - 9.2 Akaun Simpanan Hong Leong
 - 9.3 Akaun One Hong Leong
 - 9.4 Akaun Hong Leong Flexi-One
 - 9.5 Akaun Hong Leong Mortgage Plus
 - 9.6 Semua Akaun Simpanan atau Semasa Islam Hong Leong

Kadar Faedah Simpanan

10. Kadar Faedah berperingkat atas baki kredit Akaun dikira berdasarkan kaedah wang pukat.
11. Kadar Faedah dikira dan terakru setiap hari berdasarkan baki hari akhir setiap hari dan dikreditkan pada hari terakhir setiap suku tahun ke dalam Akaun (iaitu 31 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember) atau pada hari Akaun ditutup.
12. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Kadar Faedah yang berikut, maka Kadar Faedah yang terakru akan dikira secara pro-rata berdasarkan bilangan hari akaun itu terus aktif.
13. Kadar Faedah hanya akan dibayar bagi baki hari akhir akaun harian yang melebihi **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).**
14. Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web korporat HLB www.hlb.com.my. ("Laman web HLB").

Kadar Faedah e-Xtra

15. Pemegang Akaun layak mendapat Kadar Faedah e-Xtra dalam bulan berkenaan dengan syarat Pemegang Akaun telah membuat sama ada minimum **Empat (4) e-Bayaran dan/atau transaksi PEx berjaya** yang dilakukan daripada Akaun dan tertakluk kepada meja sebagai dilampirkan dalam Fasal 17 di bawah atau menerusi pembelian runcit menggunakan Kad Debit Hong Leong yang ditandakan kepada Akaun tersebut ("**Kad Debit**")
16. Kadar Faedah e-Xtra diberi mengikut asas berperingkat berdasarkan bilangan e-Bayaran **dan/atau transaksi PEx** berjaya yang dilakukan bagi bulan berkenaan seperti berikut:
17. Lebih banyak e-Bayaran **dan/atau transaksi PEx** dibuat dalam sesuatu bulan, maka lebih tinggilah Kadar Faedah e-Xtra yang diperolehi atas baki kredit Akaun.

No. bil/pinjaman dan/atau transaksi PEx yang berjaya dibayar setiap bulan	Kadar Faedah setahun
4 -6	0.50%
7 -9	0.75%
10 -14	1.00%
15 ke atas	1.90%

18. e-Bayaran **dan/atau transaksi PEx** yang layak menerima Kadar Faedah e-Xtra ditakrif seperti berikut ("**e-Bayaran Layak**").

No.	e-Bayaran Layak	Debit Daripada	Minimum Amaun bagi setiap e-Bayaran Layak
1	Kad Kredit	Akaun	RM300
2	Pinjaman Kereta/ Perumahan/ Peribadi	Akaun	RM300
3	Bil Utiliti (Contoh. Astro, SYABAS, TENAGA, Indah Water, Majlis Perbandaran & Majlis Bandaraya)	Akaun atau Kad Debit	RM100
4	Telekomunikasi (Contoh, Maxis, Celcom, DIGI, TMNet, Telekom & Redtone)	Akaun atau Kad Debit	RM100
5	Insurans (Rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai penuh) (Contoh, AIA, Prudential, HLA, Allianz, AFA Affin, Great Eastern Life, Kurnia, Tokio Marine, Mitsui Sumitomo, Manulife, ING, ETIQA, Oriental Capital, MCIS Zurich, Syarikat Takaful dll.)	Akaun atau Kad Debit	RM100
6	GIRO Antara Bank (IBG)	Akaun	RM100
7	Bayaran Bil melalui Hong Leong Connect Online (Rujuk kepada Lampiran 2 untuk senarai penuh perbadanan penerima berdaftar)	Akaun	RM100
8	MEPS FPX (Debit Terus dalam talian kepada peniaga berdaftar)	Akaun	RM100
9	PEX – Payment Express <ul style="list-style-type: none"> • PEx Internet Collection • PEx ATM Collection 	Akaun	RM100

19. Pindahan dana antara Akaun Simpanan atau Semasa/i Hong Leong termasuk pihak **ketiga (ke-3)** dan pindahan antara cawangan di dalam HLB dan PEx – Direct Akaun HLB tidak dianggap e-Bayaran Layak.
20. Kadar Faedah e-Xtra dikira berdasarkan **Baki Purata Bulanan ("MAB")** Akaun pada akhir bulan.
Kadar Faedah e-Xtra = MAB x Masa (T) x Kadar (R)

Nota:

- MAB = Jumlah baki hari akhir/ Jumlah bilangan hari dalam bulan
 Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan/ Bilangan hari dalam tahun (cth. 365 hari)
 Kadar (R) = Kadar Faedah x-Xtra berdasarkan bilangan e-Bayaran Layak yang Berjaya

21. Kadar Faedah e-Xtra dikira secara bulanan dan dikreditkan setiap **1 haribulan (1^{hb})** bulan berikutnya.
22. e-Bayaran Layak yang tidak berjaya atau diakaskan atas apa jua sebab akan ditolak selesai daripada bilangan e-Bayaran Layak yang berjaya dalam bulan berikut.
23. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Kadar Faedah e-Xtra yang berikut, maka Kadar Faedah e-Xtra yang terakru akan dilupuskan.
24. Pemegang Akaun boleh melakukan e-Bayaran Layak dengan mendaftar untuk **Arahan Tetap (“SI”)** bulanan atau membuat **satu (1) kali** bayaran melalui saluran **e-Bayaran** yang berikut:
 - 24.1 Hong Leong Perbankan Dalam Talian Connect
 - 24.2 Perbankan Bergerak
 - 24.3 ATM
 - 24.4 IVR
 - 24.5 Melalui kaunter (untuk mendaftar SI hanya di cawangan domisili)
 - 24.6 Debit Terus daripada Peniaga
25. Had transaksi bagi e-Bayaran dikawal oleh had harian yang ditetapkan. Pemegang Akaun boleh menukar had harian ini melalui laman web HLB, perbankan telefon atau pergi ke mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

Kadar Faedah Bonus Kad Debit

26. Pemegang Akaun layak mendapat Kadar Faedah Bonus Kad Debit dengan syarat melakukan **sekurang-kurangnya satu (1)** transaksi runcit Kad Debit yang berjaya daripada Kad Debit Hong Leong yang dipautkan kepada Akaun sebagai akaun pembelian runcit. Untuk layak mendapat Kadar Faedah Bonus Kad Debit, setiap leretan (penggunaan) mestilah berjaya dicatatkan dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam satu resit.
27. Kadar Faedah Bonus Kad Debit maksimum dihadkan pada RM30 sebulan.
28. Kadar Faedah Bonus Kad Debit diberi atas dasar berperingkat berdasarkan transaksi runcit Kad Debit yang berjaya dilakukan bagi bulan berkenaan seperti berikut:

Bil. Leretan Kad Debit dalam sebulan	Kadar Faedah setahun
1	0.12%
2	0.24%
3	0.36%
4	0.48%
5 ke atas	0.80%

29. Transaksi runcit Kad Debit yang layak mendapat Kadar Faedah Bonus Kad Debit ditakrifkan seperti berikut (**“Leretan Layak”**):

Bil.	Leretan Layak	Akaun Minimum bagi setiap leretan
1	Petrol	RM30
2	Membeli-belah	
3	Barang Keperluan Dapur	
4	Restoran	
5	Lain-lain penggunaan Kad Debit	

30. Lebih banyak Leretan Layak dibuat dalam sebulan, lebih tinggilah Kadar Faedah Bonus Kad Debit diperolehi atas baki kredit Akaun.
31. Kadar Faedah Bonus Kad Debit dikira berdasarkan **Baki Purata Bulanan (“MAB”)** Akaun pada akhir bulan.

Kadar Faedah Bonus Kad Debit = MAB x Masa (T) x Kadar (R)

Nota:

- MAB = Jumlah baki penutup harian/ Jumlah bilangan hari dalam bulan
Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan/ Bilangan hari dalam tahun (cth. 365 hari)
Kadar (R) = Kadar Faedah Bonus Kad Debit berdasarkan bilangan Leretan Kad Debit Layak yang berjaya

32. Kadar Faedah Bonus Kad Debit dikira setiap bulan dan dikreditkan pada setiap **1 haribulan (1^{hb})** bulan berikutnya.
33. Leretan Layak yang tidak berjaya atau dibalikkan (diakas) atas apa jua sebab akan ditimbal (ditolak) daripada bilangan leretan Kad Debit yang berjaya dalam bulan berikutnya.
34. Jika sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Kadar Faedah Bonus Kad Debit yang berikutnya, maka Kadar Kadar Faedah Bonus Kad Debit yang terakru akan dilupuskan.

Ciri Dagangan Sekuriti

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan tertentu yang akan terpakai pada Pemegang Akaun yang telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti ("**Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti**"). Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti dan T&S ini, Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti akan terpakai.

35. Ciri Dagangan Sekuriti hanya akan dibenarkan untuk Pemegang Akaun yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) Pemegang Akaun telah mendaftar untuk HL Connect dan telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti;
 - (b) Pemegang Akaun telah membuka Akaun Dagangan HLeBroking ("**Akaun Dagangan**") dengan Hong Leong Investment Bank Berhad ("**HLIB**") dan akaun Sistem Depositori Pusat ("**Akaun CDS**") melalui HLIB yang akan dihubungkan kepada Akaun, untuk tujuan dagangan sekuriti di Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Malaysia**") dan/atau bursa sekuriti lain yang diluluskan seperti yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa ("**Sekuriti Yang Diluluskan**");
 - (c) Akaun tersebut akan dihubungkan kepada Akaun Dagangan dan Akaun CDS; dan
 - (d) Semua urusan niaga Sekuriti Yang Diluluskan akan dilaksanakan melalui HLIB dengan menggunakan perkhidmatan pelabur elektronik HLIB yang dikenali sebagai HLeBroking ("**Perkhidmatan HLeBroking**") dan diakses melalui HL Connect. Pautan ke Perkhidmatan HLeBroking akan tersedia di HL Connect sebagai cara alternatif untuk Pemegang Akaun mengakses Perkhidmatan HLeBroking.
36. Setiap belian Sekuriti Yang Diluluskan oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan yang dibuka menurut Klausula 35 di atas adalah tertakluk kepada Dana Yang Tersedia (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 37 di bawah).
37. "**Dana Yang Tersedia**" adalah bermaksud jumlah wang yang ada di dalam Akaun dan tersedia untuk digunakan oleh Pemegang Akaun, termasuk penggunaan Dana Yang Tersedia untuk tujuan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan melalui HLIB.
38. Dana Yang Tersedia di dalam Akaun akan dikendalikan secara berikut:
 - 38.1 Had Dagangan untuk pembelian Sekuriti Yang Diluluskan
 - (a) Had dagangan yang tersedia kepada Pemegang Akaun untuk membeli Sekuriti Yang Diluluskan melalui Perkhidmatan HLeBroking adalah dikira dan ditentukan oleh HLB, berdasarkan Dana Yang Tersedia ("**Had Dagangan**"), dengan mengambil kira anggaran komisen pembrokeran dan kos-kos lain yang berkaitan dengan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan ("**Kos Transaksi**").
 - (b) Had Dagangan akan dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan baki kredit yang tersedia di dalam Akaun, dan pengiraan dan penentuan Had Dagangan oleh HLB adalah yang terakhir dan muktamad.
 - (c) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sekuriti yang dijual oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan tidak akan diambil kira oleh HLB dalam menentukan Had Dagangan sebelum tarikh penyelesaian yang berkaitan dengan penjualan tersebut.
 - (d) Tanpa prejudis kepada hak pengiraan dan penentuan HLB sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, semua akaun yang diperuntukkan untuk pembelian apa-apa Sekuriti Yang

- Diluluskan (termasuk Kos Transaksi belum bayar) dan/atau apa-apa transaksi perbankan yang lain (termasuk perbelanjaan runcit melalui Kad Debit) akan ditolak daripada dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Dana Yang Tersedia dalam pengiraan Had Dagangan.
- 38.2 Peruntukan untuk pesanan belian
Dana Yang Tersedia akan diperuntukkan sebaik sahaja pesanan belian untuk Sekuriti Yang Diluluskan dibuat dimana amaun yang diperuntukkan adalah bersamaan dengan jumlah harga belian Sekuriti Yang Diluluskan dan Kos Transaksi. Amaun yang diperuntukkan tidak akan tersedia untuk pengeluaran dan/atau pindahan oleh Pemegang Akaun sehingga tarikh penyelesaian menurut Peraturan Sistem Penyerahan dan Penyelesaian Tetap Bursa Malaysia ("**Peraturan FDSS**"), dimana:
- (i) ia akan digunakan untuk penyelesaian harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli dan berkaitan; atau
 - (ii) peruntukan akan dilepaskan sekiranya pesanan belian tidak dipadankan.
- 38.3 Penyelesaian Dagangan
- 38.3.1 Pada tarikh penyelesaian menurut Peraturan FDSS, HLB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk menggunakan amaun yang diperuntukkan sebagaimana Klausula 38.2 di atas seperti berikut:
- (a) bagi penyelesaian semua kontrak belian di bawah Akaun Dagangan; dan/atau
 - (b) bagi penyelesaian kontrak belian dimana kaunter yang akan diserahkan untuk kontrak belian yang telah dilaksanakan digantung daripada dagangan oleh pengawal selia pasaran yang berkaitan atas sebarang sebab.
- 38.3.2 Sekiranya amaun yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk penyelesaian semua kontrak belian, Pemegang Akaun mesti menyelesaikan perbezaan di antara harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli dan berkaitan ("**Jumlah Perbezaan**") sebelum HLB mengirim amaun yang diperuntukkan ke HLIB.
- 38.3.3 Sekiranya HLB dinasihati oleh HLIB akan adanya kerugian kontra, nota debit dan perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah yang berkaitan dengan dan mematuhi terma dan syarat yang menguasai Akaun Dagangan ("**Kerugian Kontra/Nota Debit**"), HLB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk mendebit Akaun Pemegang Akaun untuk Kerugian Kontra/Nota Debit tersebut sebagaimana yang dinasihati oleh HLIB kepada HLB tanpa perlu mendapatkan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pemegang Akaun.
- 38.3.4 Apa-apa dan semua hasil jualan yang diterima untuk Akaun Dagangan akan dikreditkan ke dalam Akaun menurut Peraturan FDSS. Sekiranya HLB dinasihati oleh HLIB akan adanya keuntungan kontra, keuntungan kontra tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun tidak lewat daripada tiga (3) hari daripada tarikh kontra.
39. Apabila memperuntukkan Dana Yang Tersedia sebaik sahaja pesanan belian dibuat oleh Pemegang Akaun untuk belian Sekuriti Yang Diluluskan, HLB tidak akan bertanggungjawab untuk memeriksa dan memastikan bahawa terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun selepas memperuntukkan dana sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, bagi memenuhi apa-apa SI yang telah diatur oleh Pemegang Akaun. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan yang terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun untuk memenuhi kewajipan apa-apa SI yang telah diberikan kepada HLB dan HLB tidak akan tertakluk kepada dan bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan, kerugian, liabiliti, kewajipan, denda, kos dan perbelanjaan lanjutan daripada atau berkaitan dengan SI yang tidak berjaya.
40. Hanya untuk dan kecuali pindaan berikut yang terpakai ke atas Akaun, Terma dan Syarat Am Akaun HLB akan terpakai untuk Akaun:
- 40.1 Pengendalian Akaun yang dipegang secara bersama oleh dua (2) atau lebih individu adalah berdasarkan bahawa mana-mana Pemegang Akaun boleh mengendalikan Akaun pada bila-bila masa.
 - 40.2 Tiada fasiliti cek untuk Akaun
41. Pemegang Akaun yang telah berjaya melanggan Ciri Dagangan Sekuriti dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik dan membenarkan HLB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan

dan menyediakan semua maklumat berkaitan Akaun kepada HLIB untuk memudahkan urus niaga Sekuriti Yang Diluluskan menurut arahan Pemegang Akaun, dan pengendalian Akaun Dagangan serta Akaun CDS menurut Ciri Dagangan Sekuriti.

42. Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham

42.1 Pemegang Akaun layak mendapat Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 43.2 di bawah) dengan syarat Pemegang Akaun telah membuat sekurang-kurangnya **satu (1)** belian atau jualan Sekuriti Yang Diluluskan yang berjaya dengan menggunakan Akaun Dagangan ("**Pemegang Akaun Yang Layak**").

42.2 Kadar faedah bonus atas baki kredit yang tersedia di dalam Akaun ("Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham") akan diberi kepada Pemegang Akaun Yang Layak secara berperingkat berdasarkan jumlah amaun dagangan oleh Pemegang Akaun dalam bulan kalendar ("**Jumlah Amaun Dagangan Bulanan**" atau "**MTA**") seperti berikut:

<u>MTA (RM)</u>	<u>Kadar Faedah setahun*</u>
Di bawah RM20,000	0.30%
RM20,001 hingga RM30,000	0.50%
RM30,001 hingga RM100,000	0.70%
RM100,000 ke atas	0.90%

*Kadar Faedah adalah tertakluk kepada perubahan

42.3 Semakin besar MTA yang dibuat dalam sebulan, semakin tinggi Faedah Bonus Dagangan Saham yang diperoleh atas baki kredit di dalam Akaun.

42.4 Faedah Bonus Dagangan Saham dikira berdasarkan DAB Akaun pada akhir bulan kalendar seperti formula di bawah:

$$\text{Faedah Bonus Dagangan Saham} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Dimana:

- DAB = Jumlah baki lejar akhir hari / Jumlah bilangan hari dalam bulan
- Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan / Bilangan hari dalam tahun, berdasarkan tahun kalendar 365 hari
- Kadar (R) = Faedah Bonus Dagangan Saham berdasarkan jumlah MTA pada akhir bulan

42.5 Faedah Bonus Dagangan Saham dikira pada akhir bulan dan dikreditkan setiap **1 hari bulan (1 hb.)** bulan berikutnya.

42.6 Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham yang berikutnya, maka Kadar Faedah Bonus Dagangan Saham yang terakru akan dilupuskan.

Kadar Faedah Bonus 10% setahun ("Kadar Faedah Bonus")

43. Kadar Faedah Bonus hanya diberi jika Pemegang Akaun menggunakan Akaun untuk pengkreditan gaji bulanan menerusi **Perkhidmatan e-Bayaran Hong Leong ("Akaun Gaji Hong Leong")**.

44. Kadar Faedah Bonus dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki akhir hari setiap hari semasa Tempoh Bonus dan dikreditkan setiap suku tahun ke dalam Akaun (iaitu 1 April, 1 Julai, 1 Oktober dan 1 Januari).

45. Kadar Faedah Bonus diberi untuk **lima (5)** hari saja dari **Hari 1 hingga Hari 5** baki hari akhir Akaun ("**Tempoh Bonus**").

46. **Hari 1** ditakrifkan sebagai gaji **pertama**, upah, bonus, elaun, tuntutan perubatan atau apa-apa amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun melalui Akaun Gaji Hong Leong setiap bulan.

47. Baki minimum hari akhir untuk layak menerima Kadar Faedah Bonus ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** dan maksimum ialah **Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000)**.

48. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya **satu (1)** hari atau lebih baki hari akhir sepanjang Tempoh Bonus turun bawah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**, maka hari (hari-hari) tersebut tidak akan diambil kira dalam pengiraan Kadar Faedah Bonus.
49. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Kadar Faedah Bonus yang berikutnya, maka Kadar Faedah Bonus yang terakru akan dilupuskan.

Penyata Dua Bulan Sekali

50. Buku Akaun tidak akan dikeluarkan. Akan tetapi Penyata Akaun akan dihantar kepada Pemegang Akaun setiap **dua (2)** bulan sekali bagi tempoh penyata seperti berikut:
 - 1 Januari – 28/ 29 Februari
 - 1 Mac – 30 April
 - 1 Mei – 30 Jun
 - 1 Julai – 31 Ogos
 - 1 September – 31 Oktober
 - 1 November – 31 Disember
51. Penyata akaun tidak disediakan untuk penyatuan ke dalam Penyata Disatukan Akaun Hong Leong One.
52. Bagi Akaun dengan Ciri Dagangan Sekuriti, penyata Akaun akan dihantar kepada Pemegang Akaun:
 - Setiap bulan apabila Akaun Dagangan diaktifkan;
 - Setiap dua bulan apabila Akaun Dagangan ditutup.

Yuran dan Caj

53. Yuran dan caj berikut dikenakan kepada Akaun and tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan:

Keterangan	Yuran dan Caj
IBG dalam talian	RM0.10 setiap transaksi
Caj perkhidmatan (apabila baki purata bagi setengah tahun bawah RM200)	RM5 setiap setengah tahun (Jun dan Disember)
Yuran Pengeluaran (Generic) Kad Debit	RM8 (Dikecualikan tahun pertama)
Tambah nilai auto Kad Debit Touch'n Go Zing	RM0.50 setiap kali tambah nilai
Pembukaan Akaun CDS	RM10 setiap akaun

54. Tertakluk kepada yuran dan caj standard Akaun Semasa, Kad Debit dan Kad Debit Touch'n Go Zing.

Umum

HLB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu matlumat awal untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya dalam laman web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan menentukan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.

Pemegang akaun juga bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan T&S adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua pemegang akaun dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan.

Akaun Pay&Save adalah layak dilindungi oleh PIDM

Lampiran 1

Insurans

No	Nama Penuh
1	AAMI

No	Nama Penuh
2	ALLIANZ
3	AM ASSURANCE
4	AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE
5	AXA AFFIN INSURANCE
6	BERJAYA SOMPO INSURANCE
7	CIMB AVIVA ASSURANCE
8	ETIQA INSURANCE
9	GREAT EASTERN LIFE
10	HONG LEONG ASSURANCE
11	HONG LEONG TOKIO MARINE
12	ING INSURANCE
13	JERNEH INSURANCE
14	KURNIA INSURANCE
15	LONPAC INSURANCE
16	MALAYSIAN ASSURANCE ALLIANCE
17	MANULIFE INSURANCE
18	MCIS ZURICH INSURANCE
19	mitsui SUMITOMO INSURANCE
20	MUI CONTINENTAL INSURANCE
21	MULTI-PURPOSE INSURANCE
22	ORIENTAL CAPITAL ASSURANCE
23	OVERSEAS ASSURANCE
24	PACIFIC & ORIENT
25	PROGRESSIVE INSURANCE
26	PRUDENTIAL ASSURANCE
27	RHB INSURANCE
28	SYARIKAT TAKAFUL (M) BHD
29	THE PACIFIC INSURANCE
30	TOKIO MARINE INSURANS
31	UNI.ASIA LIFE ASSURANCE

Lampiran 2

Perbadanan Penerima Berdaftar Hong Leong Connect Perbankan Dalam Talian

No	Payee Full Name	Category
1	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)	Assessment

No	Payee Full Name	Category
2	LEMBAGA BIASISWA NEGERI KEDAH	Assessment
3	MAJIS DAERAH SIK	Assessment
4	MAJLIS BANDARAYA IPOH	Assessment
5	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	Assessment
6	MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU	Assessment
7	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)	Assessment
8	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	Assessment
9	MAJLIS DAERAH BALING	Assessment
10	MAJLIS DAERAH KEMAMAN	Assessment
11	MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU	Assessment
12	MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH	Assessment
13	MAJLIS DAERAH YAN	Assessment
14	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)	Assessment
15	MAJLIS PERBANDARAN BENTONG	Assessment
16	MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN	Assessment
17	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG- CUKAI PINTU	Assessment
18	MAJLIS PERBANDARAN KELANG	Assessment
19	MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU	Assessment
20	MAJLIS PERBANDARAN KULIM	Assessment
21	MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	Assessment
22	MAJLIS PERBANDARAN NILAI	Assessment
23	MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	Assessment
24	MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG	Assessment
25	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-CUKAI BANGUNAN	Assessment
26	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-CUKAI TANAH	Assessment
27	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-KOMPAUN	Assessment
28	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-SEWA GERAI	Assessment
29	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	Assessment
30	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSBJ)	Assessment
31	MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI	Assessment
32	MAJLIS PERBANDARAN TAIPING	Assessment
33	PEJABAT TANAH & GALIAN NEGERI MELAKA	Assessment
34	PEJABAT TANAH & GALIAN SELANGOR	Assessment
35	PEJABAT TANAH & GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	Assessment
36	NATIONAL COUNCIL FOR THE BLIND, MALAYSIA	Charities
37	PERSATUAN KEBAJIKAN RUMAH GRACE KLANG	Charities
38	PERSATUAN PENJAGAAN KANAK-KANAK CACAT KLANG SELANGOR	Charities
39	AZIO E-PAY SERVICE (M) SDN BHD	Ecommerce
40	NB TRAVEL SDN BHD	Ecommerce
41	NETBUILDER (M) SDN BHD	Ecommerce
42	KUTIPAN YAYASAN SARAWAK	Education
43	LEMBAGA KUMPULAN WANG BIASISWA/ PINJAMAN ANAK PERAK	Education
44	LEMBAGA TABUNG AMANAH BIASISWA DAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG	Education
45	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	Education
46	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)-LOAN ACCOUNT	Education
47	TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR	Education

No	Payee Full Name	Category
48	YAYASAN PAHANG	Education
49	YAYASAN SABAH	Education
50	YAYASAN SELANGOR	Education
51	ASTRO	Entertainment
52	TELELINK	Entertainment
53	AEON CREDIT SERVICES (M) BERHAD	E-Shopping
54	BLOOMING FLORIST SDN BHD	E-Shopping
55	COURTS MAMMOTH	E-Shopping
56	EGONUTRITIONS SDN BHD	E-Shopping
57	EPP SOLUTION SDN BHD	E-Shopping
58	ESTYLE SDN BHD	E-Shopping
59	INTERBASE (WWW.LELONG.MY)	E-Shopping
60	INTERBASE (WWW.SUPERBUY.MY)	E-Shopping
61	MICES TECHNOLOGY SDN BHD	E-Shopping
62	MYNEWS.COM	E-Shopping
63	PETALBEES FLORISTS & GIFTS	E-Shopping
64	PHHP MARKETING (M) SDN BHD	E-Shopping
65	STEMLIFE BERHAD	E-Shopping
66	WOONGJIN COWAY (M) SDN BHD	E-Shopping
67	LEMBAGA TABUNG HAJI	Funds
68	HONG LEONG ASSURANCE BHD-TRADITIONAL LIFE	Insurance
69	HONG LEONG ASSURANCE BHD-UNIT LINKED	Insurance
70	HONG LEONG ASSURANCE-TRADITIONAL LIFE-CC	Insurance
71	HONG LEONG ASSURANCE-UNIT LINKED-CC	Insurance
72	HONG LEONG MSIG TAKAFUL-GENERAL	Insurance
73	MAA ASSURANCE-LIFE POLICY (CASA)	Insurance
74	MAA ASSURANCE-LIFE POLICY (CREDIT CARD)	Insurance
75	MAA TAKAFUL BERHAD-CASA	Insurance
76	MAA TAKAFUL BERHAD-CC	Insurance
77	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SBH)	LHDN
78	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SEM)	LHDN
79	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SWK)	LHDN
80	SUNWAY HEALTHY LIFESTYLE SDN BHD	Membership
81	SUNWAY INTERNATIONAL VACATION CLUB BHD	Membership
82	THE ROYAL SELANGOR GOLF CLUB	Membership
83	AUTOWORLD.COM.MY	Motoring
84	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-FUTURES & OPTIONS	Stock Brocking & Futures
85	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-IPOH BRANCH	Stock Brocking & Futures
86	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-KL BRANCH	Stock Brocking & Futures
87	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-PJ BRANCH	Stock Brocking & Futures

No	Payee Full Name	Category
88	CELCOM (MALAYSIA) SDN BHD	Telco & Internet
89	DIGI	Telco & Internet
90	MAXIS	Telco & Internet
91	P1.COM SDN BHD	Telco & Internet
92	REDTONE- E-PURSE	Telco & Internet
93	REDTONE TELECOMMUNICATIONS SDN BHD	Telco & Internet
94	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	Telco & Internet
95	TELEKOM UNIFI	Telco & Internet
96	TMNET SDN BHD	Telco & Internet
97	XOX COM	Telco & Internet
98	MALAYSIA HARMONY	Travel
99	BEKALAN AIR PULAU PINANG	Utilities
100	EXTIVA COMMUNICATIONS SDN BHD	Utilities
101	GAS MALAYSIA SDN BHD	Utilities
102	INDAH WATER KONSORTIUM (IWK) SDN BHD	Utilities
103	JABATAN AIR NEGERI SABAH	Utilities
104	JABATAN KERJA RAYA AIR PERLIS	Utilities
105	LEMBAGA AIR KUCHING	Utilities
106	SABAH ELECTRICITY SDN BHD	Utilities
107	SABAH ELECTRICITY SUPPLY CORPORATION -SESCO	Utilities
108	SIBU WATER BOARDS (SWB)	Utilities
109	SYABAS	Utilities
110	SYARIKAT AIR DARUL AMAN	Utilities
111	SYARIKAT AIR JOHOR BERHAD	Utilities
112	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	Utilities
113	SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN (SAINS)	Utilities
114	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD	Utilities
115	TENAGA NASIONAL BERHAD	Utilities
116	ACME COMMERCE SDN BHD	Webhosting
117	PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (WILAYAH PERSEKUTUAN)	Zakat
118	PUSAT ZAKAT MELAKA	Zakat
119	PUSAT ZAKAT NEGERI SEMBILAN	Zakat
120	PUSAT ZAKAT PERAK	Zakat
121	PUSAT ZAKAT SELANGOR	Zakat
122	TABUNG BAITULMAL SARAWAK-PUNGUTAN ZAKAT	Zakat
123	PEMBORONG A&L SDN BHD	Others
124	SURMAP SDN BHD	Others
125	SYAMURNI SDN BHD	Others
126	T-POT COMPUTER SDN BHD	Others
127	YOU LIN STATIONERY ENTERPRTISE SDN BHD	Others